




# TERSERGAMNYA ISTANA KELLIE DI LAMAN SEJARAH

Oleh Mohd Haniff Mohammad Yusoff

**P**ADA suatu ketika dahulu, kawasan ini pernah menjadi antara pusat perlombongan bijih timah dan pembangunannya begitu pesat di daerah Kinta. Batu Gajah merupakan sebahagian daripada daerah Kinta, daerah yang begitu padat dengan penduduk dan pembangunan di Perak. Keunikan namanya yang dikaitkan dengan mitos dan cerita rakyat tentang tiga ekor gajah yang menjadi batu setelah disumpah oleh Sang Kelembai, antara yang begitu masyhur meniti di bibir masyarakat tempatan.

Ada dalam kalangan masyarakat di situ yang tidak menafikan



kewujudan batu tersebut yang sememangnya menyerupai gajah. Akibat kepesatan pembangunan, batu tersebut tertimbus di dalam sungai. Terdapat juga sumber yang menyatakan bahawa batu tersebut turut dilihat oleh J.W.W Birch, iaitu residen Inggeris pertama di negeri Perak ketika menyusuri Sungai Kinta dan hal itu dicatatkan di dalam diariinya.

Kunjungan penulis ke pekan Batu Gajah sememangnya mengujakan kerana pekan lama ini masih mengekalkan beberapa buah bangunan lama sewaktu zaman kolonial dan masih beroperasi hingga sekarang. Antara bangunan lama


yang dimaksudkan ialah Hospital Batu Gajah, beberapa pejabat jabatan kerajaan daerah Kinta, bangunan Mahkamah Batu Gajah dan bangunan blok warisan SMK Sultan Yussuf atau lebih dikenali sebagai Sultan Yussuf School (SYS). Selain itu, jika melalui pekan Batu Gajah, beberapa bangunan rumah kedai lama masih tersergam utuh di gigi jalan, yang menawarkan suasana nostalgik kepada sesiapa yang begitu menghargai kenangan.

Tidak jauh daripada pekan Batu Gajah, terdapat sebuah lagi bangunan yang menyimpan pelbagai kisah sejarah dan tersergam indah yang menggamit kehadiran

pengunjung. Berdiri sebagai sebuah rumah agam atau istana yang dikelilingi kawasan perladangan pastinya meninggalkan pelbagai persoalan yang berlegar-legar di fikiran sesiapa yang melihatnya. Terletak di tepi jalan yang menghubungkan Batu Gajah dan Simpang Pulai, pastinya istana ini mempesonakan sesiapa sahaja yang melalui jalan ini.

Reka bentuknya yang unik serta struktur binaannya yang tidak bercitra tempatan seolah-olah sudah mengkhabarkan bahawa istana ini lahir dari lamanya masa dan mempunyai pengaruh asing dalam binaannya. Jika diperhatikan secara

Penulis bergambar kenangan di hadapan Istana Kellie.



Istana ini turut menjadi pilihan para penggiat entiti paranormal dari dalam dan luar negara.

teliti, reka bentuknya hampir menyerupai stesen kereta api Ipoh jika istana ini siap dibina bersama-sama kubah di atasnya. Rumah agam atau istana yang dimaksudkan ialah Istana Kellie.


Berdasarkan catatan sejarah yang didedahkan, istana ini milik seorang peladang getah berbangsa Scottish, iaitu William Kellie Smith. William telah ke Tanah Melayu bagi mengintai peluang dalam bidang perniagaan sehinggalah William berjaya mengusahakan perusahaan ladang getah dan perlombongan bijih timah di Batu Gajah. Sebagai seorang peladang yang berjaya, William juga membeli tanah untuk membina sebuah rumah di Batu Gajah selain untuk tujuan perladangan getah.

Pada tahun 1903, William telah kembali ke negara asalnya untuk melangsungkan perkahwinan dengan Agnes. Sekembalinya ke Tanah Melayu, pasangan ini telah dikurniakan seorang anak perempuan yang diberi nama, Helen. Sebagai seorang ahli perniagaan, William sebenarnya menyimpan hasrat untuk memperoleh seorang anak lelaki sebagai penyambung empayar perniagaannya. Pasangan ini diuji bertahun lamanya kerana Agnes gagal mengandung untuk kali kedua sehinggalah beberapa tahun selepas itu, Agnes berjaya melahirkan seorang bayi lelaki yang diberi nama, Anthony.

Kelahiran Anthony begitu menggembirakan William dan menjadi titik mula hasrat William untuk memiliki sebuah kediaman yang lebih agam seperti istana sebagai kediaman mereka sekeluarga. Memandangkan William begitu tertarik dengan agama Hindu dan kebudayaan India, William telah membawa pengaruh Hindu dalam pembinaan istananya. Selain itu, bahan binaan serta tenaga kerja yang diperlukan turut dibawa dari India bagi menyerlahkan lagi pengaruh yang diinginkan William dalam pembinaan istananya.

Pembinaan istana ini akhirnya tidak dapat disiapkan sepenuhnya seperti yang dijadualkan. Beberapa faktor yang menyumbang kepada kelewatan dan kegagalan pembinaan istana ini. Pertamanya, para pekerja binaan istana ini telah diserang wabak penyakit *Spanish Flu* sehingga membawa kepada kematian. Peristiwa ini telah membawa kepada pembinaan sebuah kuil yang berhampiran dengan tapak pembinaan istana dan hingga kini kuil ini masih dikunjungi. Sebuah patung yang dibina di kuil ini juga dikatakan merupakan patung yang dibentuk menyerupai majikan mereka, William Kellie Smith.


Perang Dunia Kedua yang meletus juga sedikit banyak mengganggu proses pembinaan istana ini. Seterusnya, William



Seni bina istana ini mendapat sentuhan pengaruh dari India.

menemui ajalnya di Portugal pada tahun 1926 kerana menghidap penyakit pneumonia dan hal tersebut menjadi titik kemuncak kepada kegagalan pembinaan istana ini. Akhirnya, Agnes telah mengambil keputusan untuk kembali ke negara asalnya, Scotland.

Pengunjung juga dapat menikmati keunikan binaan Istana Kellie dengan kadar bayaran sebanyak RM5 di kaunter pendaftaran sebelum dibenarkan melawati Istana Kellie. Keunikan binaannya pasti memberikan keterujaan kepada sesiapa sahaja yang mengunjunginya. Walaupun sudah bertahun lamanya dibina, istana ini masih kukuh tersergam dan keterujaan penulis semakin berganda apabila dapat menjejakan kaki ke dalam Istana



Kellie – dari kamar ke kamar dan dari tingkat ke tingkat. Istana ini lengkap dengan bilik tidur utama, bilik tidur untuk Helen dan Anthony, serta bilik tidur khas untuk para tetamu.

Istana Kellie juga disifatkan penulis sebagai sebuah binaan yang teliti kerana mempunyai bilik atau laluan di bawah tanah sebagai langkah keselamatan. Bukan itu sahaja, terdapat juga laluan rahsia yang menghubungkan bilik anak-anak William, yang seterusnya menghubungkan laluan ke laluan bawah tanah. Kedudukan istana ini yang berada di atas bukit sebenarnya meluaskan pemandangan yang mencakupi kawasan berhampiran.

Istana ini juga sepatutnya mempunyai lif dan jika lif tersebut berjaya diwujudkan, maka itulah lif pertama di Tanah Melayu. Namun begitu, hal itu tidak kesampaian setelah William meninggal dunia. Pengunjung juga dapat melihat ruangan yang telah dikhususkan untuk lif yang menghubungkan setiap aras di dalam istana ini. Begitu canggih sekali pembinaan istana Kellie dengan gabungan teknologi dan idea yang mengagumkan ketika dekad itu di Tanah Melayu.

Selain pesona yang terdapat pada seni bina dan struktur binaannya, Istana Kellie juga masyhur dengan kisah seram yang tidak pernah lekang menghampiri cuping telinga para pengunjung. Tidak hairanlah jika Istana Kellie sebenarnya dikategorikan sebagai

produk pelancongan yang penuh misteri dan menyeramkan. Kisah yang sering diceritakan ialah kemunculan kelibat kanak-kanak perempuan yang dikatakan sebagai Helen dan pernah juga dikhabarkan kelibat William yang sentiasa berkeliaran di kawasan beranda Istana Kellie.

Selain itu, entiti bernama Gopal, yang diceritakan sebagai bekas pekerja ladang milik William yang turut menghuni istana ini juga didakwa kelihatan. Penawaran kisah seram yang turut menjadi buah mulut masyarakat setempat menjadikan Istana Kellie menjadi pilihan para penyiasat entiti paranormal dari dalam dan luar negara. Pengalaman seram yang mereka alami melalui rakaman video turut dikongsi di laman media sosial seperti di Facebook dan Youtube.

Bagi penulis, Istana Kellie merupakan produk pelancongan negeri Perak Darul Riduan yang sewajarnya perlu terus dipelihara dan dipulihara demi kelestarian bangunan ini buat tatapan generasi mendatang. Selain sebagai sebuah tempat bersejarah untuk dilawati, Istana Kellie juga menawarkan inspirasi dalam disiplin seni bina dan memberikan pengalaman seram kepada pengunjungnya. Pengunjung yang mengakhiri lawatan ke dalam Istana Kellie bolehlah singgah di kafeteria yang disediakan dan membeli cenderamata untuk dijadikan kenangan sebelum meninggalkan jejak di laman Batu Gajah. 